

AGAMA ITU NASIHAT

DIDIKAN AKHLAK (5)

Akal

Oleh kerana akal itu menjadi alat yang terutama dalam diri manusia, menjadi sebagai penasihat dan sebagai raja, maka telah pada tempatnya di sini kita ulas seluas-luasnya supaya dapat kita memperbaiki diri masing-masing dengan perantaraannya.

Akal itu satu pemberian yang tidak ternilai harganya anugerah yang Maha Besar daripada Tuhan kepada manusia; kerana dengan adanya itu manusia menjadi berkuasa ke atas lain-lainnya di dunia ini. Ini telah nyata, tetapi masih sahaja banyak manusia yang tidak menghargakan akal, digunakannya di tempat-tempat yang terlarang, diberikannya minuman yang menghilangkan akal sehingga manusia itu kelakuannya tak ubah seperti haiwan. Bagaimanakah jika Allah terus menghilangkan akal, bukannya ia lebih rendah daripada haiwan kelak? Cubalah orang yang suka minum minuman yang memabukkan itu dapat ternasihat dengan kenyataan ini.

Adapun takrif bagi akal itu beberapa ahli penyelidik dan pemeriksa jiwa menyatakan bahawa akal itu suatu zat halus yang tertanam di dalam diri manusia, dengan adanya itu terbeza manusia daripada makhluk yang lainnya dan dengan perantaraannya dapatlah manusia menjadikan dirinya bagi menerima bermacam-macam ilmu pengetahuan walau bagaimanapun tingginya, dan mengatur bermacam-macam usaha yang pelik dan susah. Akal itu tempat mengalirnya ilmu pengetahuan, tempat terbit dan terpancarnya berbagai-bagai manfaat dan kebahagiaan bagi manusia. Maka bandingan ilmu yang terbit daripada akal itu,

adalah laksana buah-buahan terbit daripada pohon atau sebagai cahaya terbit daripada matahari atau seumpama pemandangan terbit daripada mata.

Orang berlain-lainan pendapat tentang tempat dan letaknya akal itu. Ada yang mengatakan, ia bertempat di kepala, kerana di kepala orang berfikir; dan ada pula yang mengatakan letaknya di dalam hati kerana fikir itu pelita hati. Yang kedua ini lebih hampir dengan firman Allah (maksudnya): “Tidaklah mereka berjalan di bumi supaya ada bagi mereka hati-hati yang dapat berfikir dengannya” - Al-Quran Surah Al-Hajj ayat 46.

Akal itu tempat dan alat berfikir, dalam ayat ini dinyatakan, kalau mereka mempunyai hati tentulah mereka berfikir. Sebenarnya mereka bukan tidak mempunyai hati, hanya hati mereka tidak digunakan bagi memikirkan tanda-tanda kekuasaan Allah.

Akal yang luas itu apabila disinari dengan taufik dan hidayah daripada Allah Taala nescaya orang yang memilikinya itu mengenal halaq dengan sebab adanya makhluk, ia akan mewajibkan adanya pembuat kerana menyaksikan adanya perbuatan – mustahil benar adanya makhluk dengan tidak ada Khaliq, dan adanya perbuatan dengan tidak ada yang membuatnya, ia akan dapat membezakan antara hak dan batil, antara buruk dan baik, akan mengenal hakikat agama Islam, menetapkan keEsaan Tuhan, menafikan adanya syurga dan sekutu baginya, dan beriman kepada apa yang datang daripada Allah dan Rasul-Nya.

Sebagaimana mata yang celik itu tidak boleh betul melihat benda-benda melainkan sesudah mendapat cahaya, baik dari matahari atau lainnya, maka demikian itulah pula keadaan akal, dengan semata-mata akal sahaja seseorang itu tidaklah dapat mengetahui sesuatu hakikat dengan benar, terutamanya hakikat agama Islam, melainkan setelah disinari dengan cahaya taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Akal yang mendapat sinar taufik dan hidayah daripada Allah, itulah dinamakan “akal yang sempurna” akal sejahtera, akal waras dan sihat; dan ia juga yang ditunjukkan

dengan perkataan “lub” di dalam Al-Quran seperti Tuhan katakana “ulu al-bab”, ahli-ahli fikiran, yakni orang yang sempurna akal nya.

Allah telah menjadikan akal itu tempat bergantung nya iman dan keyakinan dan ia jadikan hukum-hukum agama seperti iktikad, perintahan, tegahan dan lain-lainnya itu sesuai dan setuju dengan akal.

Maka tidak ada dalam agama Islam, satu kepercayaan atau suatu hukum yang tidak bersetuju dengan akal yang sihat; demikian juga segala apa yang dibawa oleh Nabi-nabi yang disampaikan kepada manusia itu semuanya tidak ada yang menyalahi akal yang waras.

Dengan kenyataan ini dapatlah kita mengetahui bahawa akal, itu alat penimbang hak dan batil, kebenaran dan kesalahan agama yang betul datangnya dari Allah dan yang palsu. Oleh yang demikian tidaklah ada hukum-hukum atau undang-undang dalam agama Islam yang ditolak oleh akal yang sihat. Sekiranya terdapat juga maka bukanlah hukum dan undang-undang itu yang tidak sesuai dan setuju dengan akal, tetapi akal tadi yang belum sampai kepada hakikat hukum dan undang-undang itu.

Kalau kita dapati suatu keterangan dalam agama Islam yang nyata datangnya dari Allah dan Rasul-Nya tetapi akal kita belum menerima keterangan itu maka pada ketika itu hendaklah kita memandang akal tadi belum sanggup menerima suatu peraturan yang datangnya daripada Tuhan, boleh jadi kerana peraturan itu terlampau tinggi hingga tidak termakan, atau akal itu masih rendah belum sedarjah dengan peraturan tadi. Dalam pada itu kita kaum Muslimin diperintah supaya terus menyelidiki segala-gala hal-hal yang pelik dan sulit itu sehingga kita menjadi manusia yang secerdas-cerdasnya.

Daripada keterangan-keterangan yang telah lali dapatlah kita ketahui bahawa dengan perantaraan akal yang waras dan sihat itu seseorang dapat mengenal Tuhan, mengetahui hakikat agama Islam – itulah akal yang disinari taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Adapun jika tidak sedemikian sifat akal, hanya dapat mengujur mustahak hidup, mengadakan berbagai-bagai keadaan-keadaan yang baharu dan luar biasa, membuang rahsia alam yang sulit dan pelik, menghasilkan keuntungan dunia yang bukan sedikit yang dinamakan oleh orang-orang dunia secerdik-cerdik akal itu pada sisi Allah akan yang demikian itu, kerana tidak mengenal Allah, tidak mengetahui hakikat agama bahkan mulhid dan kafir – adalah akal yang serendah-rendahnya. Firman Allah (Al-Quran surah An-Nur ayat 40) Maksudnya: “Dan barangsiapa yang Allah tidak berikan penerangan kepadanya maka tidaklah ia dapat sedikit pun penerangan.”

Juga mereka itu yang disindir oleh Tuhan dalam firman-Nya (maksudnya): “Mereka mengetahui yang zahir daripada penghidupan dunia pada hal tentang akhirat mereka lalai.” Al-Quran Surah Ar-Rum Ayat 7.

Firman Allah lagi (maksudnya): “Maka hendaklah engkau berpaling kepada orang yang memalingkan diri daripada peringatan kami dan ia tidak berkehendak melainkan penghidupan dunia. Yang demikian itu batas pengetahuan mereka.” Al-Quran An-Najm ayat 29 dan 30.

Adapun dikatakan demikian kerana akal mereka tidak digunakan bagi memikir kepentingan agama Allah, kiranya akal mereka cerdas terhadap agama Islam, sebagaimana mereka cerdas terhadap kepentingan dunia nescaya mereka menjadi orang yang sesihat-sihat akal nya.

Selain daripada itu ada pula akal yang sebaliknya, iaitu akal yang semata-mata ditujukan kepada mustahak akhirat sedang mustahak dunia disia-siakan. Inipun bukan akal yang sejahtera, bukan yang dituju di dalam perkataan “Lub” di dalam Al-Quran. Akal yang sihat dan sejahtera atau yang kerap kali orang katakana akal yang waras itu ialah yang sama berat mengutamakan urusan dunia dan akhirat; tidak ia mensia-siakan akhirat kerana tertipu oleh kesenangan dunia, dan tidak pula ia karam dalam urusan akhirat sehingga mensia-siakan keutamaan dunia.

Akal itu suatu alat yang mustahak untuk mengubah

AMAL SALIH

Apakah amal salih itu atau apakah yang dikehendaki oleh firman Tuhan, *wa amilu al-salihah*? Itu? Hanya khushyuk kepada sembahyang sahajakah? Mengerjakan ibadat sahaja dengan meninggalkan dunia sama sekali?! Dengarlah apa kata Almarhum Al-Sheikh Muhammad Abdul Aziz Al Al-Hauli menerangkan apa ertinya amal salih itu untuk panduan kita.

“Amal yang salih” itu ialah segala perbuatan yang dapat memperbaiki diri engkau sendiri. Suatu kesihatan, budi perkerti kesempurnaan akal (otak) demikian juga segala sesuatu yang perlu untuk kebaikan isteri engkau, anak engkau, kaum kerabat engkau, agama engkau, bangsa engkau, bahkan sekalian manusia – sekalian itu ialah “amal salih”; memakan makanan dengan sederhana, tidak berlebih-lebihan dan tidak bakhil – ini pun juga dinamakan amal salih; mempelajari ilmu riadah (matematik; seperti algebra dan lain-lainnya) untuk memajukan fikiran dan lainnya amal yang salih;

dan memperbaiki keadaan akhlak seseorang asalkan sahaja ia mengetahui gunanya Allah menjadikan akal itu. Sebab dengan akal dan kecerdasan itu dapatlah ia berjalan di atas landasan keredhaan Allah; tetapi kalau ia jahil tentang itu nescaya segala kejahatan dan kemunkaran akan dilakukannya.

Seorang ahli adab berkata: “Kawan bagi tiap-tiap orang itu ialah akal dan musuhnya ialah kebodohan.”

Kata seorang hakim: “Kepapaan yang amat sangat itu ialah ketiadaan akal.” dan kata yang lain pula: “Tiap-tiap sesuatu apabila banyak menjadi murah kecuali akal semakin banyak semakin mahal.

Seorang ahli syair berkata: *Yakdi rafii;kaumi min kana aqala * wainlam yakun fi qaumihi bihusaibi * iza hal arda asha fiha bingaqolah * wama aqala fi billadat*

mengerjakan kewajipan kepada keluarga ini pun amal salih; engkau mendidik anak-anakmu dan mengeluarkan harta kerananya – amal yang salih; berusaha untuk memperbaiki kaum kerabat, amal salih; engkau mempelajari agama dan menolak “syubhah” dalam agama – amal salih bekerja kerana menyatukan kaum Muslimin, amal salih; berusaha untuk memberhentikan peperangan dan meratakan keamanan, amal salih; mengadakan perhubungan am kerana maslahat umum – amal salih, mengerjakan sembahyang kerana mustahak diri sendiri, membayar zakat kerana membantu orang-orang yang lemah, mengerjakan puasa kerana kesihatan, mengerjakan haji kerana mengukuhkan ikatan kaum Muslimin dan segala kebaikan yang engkau perbuat kerana orang lain samada bagi seorang atau pun sesuatu umat semuanya itu ialah amal salih. Ringkasnya seberapa banyak dan luasnya manfaat yang engkau beri maka sedemikian itulah pula tingginya kedudukan engkau di dalam lingkungannya “amal yang salih”.

Sekianlah katanya – fahamlah mudah-mudahan dapat kita beramal salih mengikut seperti tujuan yang tersebut yang tak dapat tiada membawa kebahagiaan dunia dan akhirat.

bighorib.

Ertinya: “Orang yang berakal itu dipandang orang yang tinggi dalam kaumnya, sekalipun ia bukan bangsawan pada kaumnya. Apabila ia tinggal di suatu tempat, hiduplah ia padanya degan akalnya. Dan orang yang berakal itu tidak terasing di sebuah negeri. “ Karangan Tuan Muhammad Ali dipetik daripada Majalah Al-Lisan.

Bacalah buku-buku keluaran Qalam

| | |
|--------------------|--------|
| Bilik 69 | \$1.20 |
| Meja tiga belas | \$1.20 |
| Subuh di tepi laut | \$1,00 |
| Utusan murtad | \$1.00 |

Harga-harga ini tambah belanja pos 10 sen.